

# MPPUPM wujud sistem aduan

**E**MPAT teras utama diperkenalkan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM) bagi membina kecemerlangan di kalangan warga kampus iaitu pembangunan sahsiah, memperkukuhkan hubungan kemasyarakatan di kalangan mahasiswa, membina komunikasi efektif dan membudayakan penyelidikan serta pengurusan berkesan.

Yang Dipertuanya, Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata empat teras itu adalah pelan strategik MPPUPM bagi memastikan kewibawaan dan ketrampilan warga kampus terserlah dalam pelbagai aspek seperti akademik, peribadi dan imej sendiri.

"Kali ini MPPUPM bertekad bukan saja mahu menjalankan amanah dipertanggungjawabkan, tapi menerapkan elemen positif dalam pelbagai aspek supaya dapat membantu mahasiswa sepanjang pengajian mereka di UPM.

"Pengenalan empat teras berkenaan sebagai langkah awal yang diharap mampu mengimbangi keperluan mahasiswa dalam akademik mahupun pembinaan sahsiah diri selain membuka minda mengenai wawasan universiti.

"MPPUPM akan berusaha melaksanakan tanggungjawab menjaga kebajikan mahasiswa seperti janji sewaktu pilihan raya dulu," katanya.

MPPUPM juga akan meneruskan kesinambungan perjuangan MPP terdahulu seperti mendapatkan kemudahan Internet tanpa wayar di semua kolej.

Menurut Mohamad Sabrie, perbincangan sudah dilakukan dengan pihak pengurusan universiti dan

kemudahan itu dijangka beroperasi sepenuhnya pertengahan tahun depan.

"MPPUPM memantau masalah lain seperti kemudahan pengangkutan dan penginapan. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas diterima, dua masalah itu sebahagian besarnya berjaya diatasi.

"Bagi memudahkan mahasiswa membuat aduan pula, MPPUPM akan mewujudkan satu sistem aduan di semua peringkat kolej mahupun universiti.

"Melaluinya, segala masalah dapat dipantau, sekali gus mampu menjaga kebajikan mahasiswa selain merapatkan hubungan dengan barisan MPPUPM baru," katanya.



**MPPUPM memantau masalah lain seperti kemudahan pengangkutan dan penginapan. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas diterima, dua masalah itu sebahagian besarnya berjaya diatasi"**

**>Mohamad Sabrie  
Mohamad Salleh**  
Yang Dipertua MPPUPM



**BINCANG....**sebarang masalah atau aduan boleh diajukan kepada MPPUPM untuk tindakan lanjut.